

MEMULIHKAN KEYAKINAN PELABUR

MASUK bulan Oktober, rata-rata rakyat mula memperkatakan tentang pembentangan belanjawan tahunan Malaysia. Tahun ini, Bajet 2016 akan dibentangkan pada 23 Oktober ini ketika suasana ekonomi global cukup mencabar sama sekali. Ini susulan pertumbuhan perlahan ekonomi negara China. Pada masa sama harga minyak dunia berada pada tahap yang rendah.

Harga minyak dunia yang rendah ini telah memberi kesan yang cukup besar terhadap negara-negara yang bergantung pada minyak. Rusia umpamanya menerima kesan yang amat buruk apabila mata wangnya Ruble mengalami kejatuhan yang sangat teruk. Senario harga minyak yang berada di paras rendah dijangka berlarutan dalam tempoh yang sukar diramal dengan tepat. Tidak mustahil memakan masa sehingga lima tahun baharulah harga minyak pulih seperti sedia kala.

Hujahnya, penemuan minyak syal oleh Amerika Syarikat (AS) telah menjadikan lebih pengeluaran apabila negara-negara penge-luar utama minyak tradisional masih mengekalkan pada tahap pengeluaran sedia ada. Tidak keter-laluan dikatakan AS sudah tidak lagi bergantung dengan negara-negara pengeluar minyak dari Asia Barat.

Bayangkan minyak syal yang berada 'di belakang rumah' sendiri boleh diekstrak pada bila-bila masa sahaja. Tidak mustahil kos untuk mengekstrak minyak syal ini semakin murah berbanding setahun yang lalu. Maklumlah, AS kuasa dunia yang menguasai teknologi terkini.

Kos yang semakin murah menyebabkan AS tidak perlu lagi terlalu 'menjaga' negara-negara penge-luar minyak Arab, sekali gus, tidak perlu lagi melabur dengan jumlah yang banyak semata-mata untuk menjaga kepentingan mereka ter-utama dari sudut ketenteraan. Kalau tempoh hayat minyak syal ini panjang, maka, lagi tinggillah keya-kinan AS untuk tidak bergantung terhadap negara-negara pengeluar minyak tradisional ini.



ROHAMI SHAFIE

Harga minyak yang murah memberi kelebihan kepada AS, lebih-lebih lagi penggunaan tenaga di AS amatlah tinggi berbanding negara-negara lain di dunia. Jadi, apabila harga minyak murah, kos tenaga dan pengangkutan untuk perniagaan semakin murah, manakala rakyat AS boleh berbelanja lebih tinggi ke atas penggunaan minyak.

Ini membolehkan ekonomi AS dapat dirangsangkan pada tahap yang lebih baik. Tidakkah ini memberi kebaikan kepada ekonomi AS? Maka, tidak hairanlah, AS tidak begitu hiraukan harga minyak dunia yang rendah pada masa kini, tetapi yang AS sangat hiraukan sudah tentulah mengenai kadar faedahnya. Itu pun, tidak mustahil ini satu lagi pendekatan AS untuk sentiasa bermain dengan 'wang-wang panas' yang berlegar di seluruh dunia.

Melalui pendekatan prospek menaikkan kadar faedahnya, para pelabur antarabangsa akan sentiasa mengintai peluang untuk melabur di AS. Persepsi positif sebegini boleh menambah keyakinan terhadap ekonomi AS. Selagi ekonomi AS kelihatan semakin positif, maka, mata wang AS akan berada pada tahap yang semakin mengukuh. Sebaliknya, pertumbuhan ekonomi negara-negara utama dunia yang lain seperti negara China dan Rusia bergerak perlahan ekoran mengalami pelbagai masalah. Ini secara tidak langsung, memberi kesan terhadap ekonomi negara-negara lain termasuk Malaysia.

Harus diingat, harga minyak yang murah menyebabkan syarikat-syarikat pembekal kepada syarikat minyak di seluruh dunia ditekan untuk mengurangkan harga pembekalan mereka kepada syarikat-syarikat minyak dunia ini. Inilah situasi yang sedang berlaku yang merugikan banyak syarikat yang terlibat dengan sektor minyak. Lebih-lebih lagi ekonomi sebuah lagi

Maklumat yang tidak berwibawa seolah-olah lebih dipercayai walhal maklumat yang terang-terangan sah ditolak ke tepi. Justeru, kerajaan juga perlu sedaya-upaya menangani maklumat sebegini yang boleh memudaratkan ekonomi Malaysia. Dengan kata lain, kerajaan perlu sentiasa bersiap-siaga 'berperang' dengan maklumat palsu yang disebar oleh pihak tertentu di laman-laman sosial dan Internet.

negara pengeluar minyak iaitu Iran tidak lagi disekat. Maka, bertambah meningkatlah lebih penawaran minyak di pasaran dunia. Senario sebegini akan melemahkan lagi harga minyak dunia.

Persoalannya, kenapakah hanya kini ekonomi Iran tidak lagi disekat? Adakah ini satu lagi perancangan rapi oleh pihak-pihak tertentu untuk memastikan harga minyak dunia kekal pada tahap yang rendah? Berbanding semasa sekatan ekonomi dikenakan dahulu, kini Iran boleh memperoleh pendapatan yang lebih lumayan dengan penjualan minyaknya.

Walau apa pun 'permainan' pihak-pihak tertentu di peringkat antarabangsa, namun Malaysia perlu sentiasa berhati-hati agar tidak sama sekali masuk dalam perangkap mereka. Apa yang penting di sini, setiap aspek ekonomi yang berlaku di seluruh dunia mestilah dikaji secara terperinci kerana pasti ada sebab musababnya. Baharulah, sebarang keputusan ekonomi yang dibuat menjamin negara kita berada dalam situasi yang terbaik.

Selain itu, mahu tidak mahu keyakinan perlu segera dipulihkan. Cara penerangan yang berterusan kepada para pelabur antara strategi terbaik bagi memulihkan keyakinan mereka. Ketika era krisis kewangan Asia 1997/98, kerajaan telah memberi penerangan untuk memulihkan semula keyakinan para pelabur, namun perlu diingat, pada masa tersebut, tidak lagi wujud media sosial yang selama ini 'membantu' memburukkan lagi persepsi para pelabur terhadap keadaan ekonomi Malaysia.

Maklumat yang tidak berwibawa seolah-olah lebih dipercayai walhal maklumat yang terang-terangan sah ditolak ke tepi. Justeru, kerajaan juga perlu sedaya-upaya menangani maklumat sebegini yang boleh memudaratkan ekonomi Malaysia. Dengan kata lain, kerajaan perlu sentiasa bersiap-siaga 'berperang' dengan maklumat palsu yang disebar oleh pihak tertentu di laman-laman sosial dan Internet.

Usah sesekali leka kerana kesan negatifnya boleh merebak dengan pantas. Inilah yang berlaku kini, sehinggakan terdapat pihak-pihak tertentu dalam kalangan pelabur beranggapan ekonomi Malaysia dalam keadaan yang tidak memuaskan. Walhal, banyak petunjuk yang menggambarkan asas ekonomi Malaysia kukuh. Kerajaan perlu memulihkan kembali 'jerebu' yang mengaburi pemandangan sebenar ekonomi Malaysia.

Inilah cabaran yang perlu dihadapi oleh kerajaan agar berusaha secara berterusan untuk memulihkan semula keyakinan pelabur berkenaan dengan prospek ekonomi Malaysia. Para pelabur ini menantikan pengumuman strategi-strategi ampuh dalam Bajet 2016 bagi melonjakkan keyakinan mereka terhadap ekonomi Malaysia, sekali gus, mengukuhkan kembali mata wang Ringgit di persada kewangan antarabangsa.

DR. ROHAMI SHAFIE ialah Pensyarah Kanan Perakaunan dan Kewangan Pusat Pengajian Perakaunan (SOA) Kolej Perniagaan (COB) Universiti Utara Malaysia.